NO SOALAN : 70

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN AZAMU [TAMBUN]

TARIKH : 2 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 70

DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN AZAMU [TAMBUN] minta **MENTERI KESIHATAN** menerangkan langkah – langkah Kementerian untuk meningkatkan jumlah doktor pakar memandangkan latihan kepakaran hanya dikendalikan oleh universiti – universiti. Bukankah ini akan menyebabkan kesukaran bagi para doktor (*junior doctors*) memandangkan tempat – tempat universiti amat terhad?

NO SOALAN : 70

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) komited dalam menyediakan latihan kepakaran kepada pegawai perubatan ke arah meningkatkan lagi penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat. Antara langkah-langkah yang diambil bagi meningkatkan jumlah doktor pakar adalah melalui penajaan pegawai perubatan mengikuti latihan kepakaran di bawah program Sarjana Perubatan dan secara laluan *parallel*.

Mulai sesi akademik 2019/2020, slot bagi program Sarjana Perubatan dapat dipertingkatkan daripada 1,000 slot pada 2018 kepada 1,100 slot pada tahun 2019. Sehingga Jun 2019, jumlah pegawai perubatan yang sedang menjalani latihan kepakaran di bawah program Sarjana Perubatan di universiti awam tempatan adalah seramai 4,758 orang.

Selain itu, sehingga Mei 2019 terdapat 14 program latihan kepakaran secara laluan *parallel* yang boleh diikuti di KKM iaitu melibatkan 14 buah bidang kepakaran. Sehingga 31 Mei 2019, terdapat 2,095 pegawai perubatan KKM yang mengikuti program latihan kepakaran secara laluan *parallel* di KKM.

KKM dan universiti awam sentiasa bekerjasama dan berusaha untuk meningkatkan slot latihan dan juga meneroka program latihan kepakaran secara laluan *parallel* baharu yang diperlukan oleh negara.

Sekian, terima kasih.